

Doa untuk Baby Haqq

Semoga ada sinar
buatmu sayang

NURUL FIRDAUS KHAI

MORIB

Kelab Belia Wanita Muda Kuala Langat mengambil inisiatif melancarkan Tabung Kutipan Derma (*Fight Cancer for Baby Haqq*) seorang pesakit kanser jenis *Langerhans Cell Histiocytosis* (*LCH*) sempena Program Sukan Muda Kuala Langat yang diadakan di Pantai Morib, semalam.

Pengerusinya, Asuma Beevi Mohamed Sali berkata, sepasang suami isteri terpaksa kuat semangat apabila anak ketiga mereka, Muhammad Agkheen Al'Aerieq Mohd Nazif, atau lebih mesra dengan panggilan Baby Haqq yang kini berusia setahun lapan bulan memerlukan bantuan untuk mendapatkan rawatan susulan kemoterapi dan pelbagai rawatan lain.

Menurutnya, ibu kepada Baby Haqq, Norhijah Abd Samat, 36, yang tinggal di Kampung Sungai Buaya, Kuala Langat merupakan salah seorang ahli jawatankuasanya, sekali gus mengambil peluang untuk memberi bantuan melalui program yang jultuk kalirnya diajukan di Pantai Morib.

"Saya



Sulaiman sempat beramah mesra bersama Baby Haqq selepas pelancaran *Fight Cancer for Baby Haqq*.



Baby Haqq semasa menjalani rawatan di HKL



Pelancaran Tabung Kutipan Derma untuk Baby Haqq.

harap ramai pihak dapat membantu meringankan beban keluarga berkenaan.

"Dalam pelancaran itu juga kita turut melancarkan jualan t-shirt *fight cancer for Baby Haqq* yang akan dijual di Facebook," katanya.

**Ibu gembira ramai
pihak prihatin**

Norhijah dan suaminya, Mohd Nazib Mohd Supian, 36, ketika dijumpai memberitahu sejak disahkan menghadap *LCH* pada Jun 2016, Baby Haqq sebenarnya sudah beberapa kali mengalami siri perubahan dalam dirinya.

Mencentikkan keadaan anaknya, Baby Haqq sebenarnya seorang anak yang aktif dan ceria namun ketika berusia empat bulan tahap kesihatannya mula merosot.

"Apa yang kami buat, bersikap positif selalu dan tingkatkan kekuatan

untuk berjuang bersama Baby Haqq sehingga ke hari ini walaupun terpaksa menjadikan Hospital Kuala Lumpur itu sebagai rumah kedua kami," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

Norhijah berkata, suaminya hanya bekerja sebagai pemandu lori dengan pendapatan RM1, 800. Dengan sejumlah wang yang ada mereka mengambil keputusan untuk mendapatkan rawatan kemoterapi di Institusi Pediatrik HKL untuk merawat penyakit kanser yang dihidupi anaknya.

Baby Haqq sebelum ini pernah dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) kerana berdepan dengan komplikasi dalam badan.

"Akak dan suami kena berusaha menanggung kos perubatan termasuk kemoterapi dan susu khas Baby Haqq kira-kira RM500 ke RM800 sebulan.

"Pada masa sama akak tak berkera jadi suamihal yang terpaksa menyara dua lagi anak berusia sembilan dan 10 tahun," katanya.

**Doktor sahkan
Baby Haqq dah 'tiada'**

Paling menyedihkan, dalam jangka masa dari awal tahu berkampung di hospital, doktor sudah empat kali sahkan Baby Haqq sudah tiada selepas nafasnya terhenti.

Katanya, hanya Tuhan sahaja

yang tahu apa perasaan seorang ibu di saat menerima pergeseran doktor, namun baginya keajaiban boleh berlaku dan pernah masih ada doktor sahkan degupan jantung Baby Haqq berhenti dan sudah tiada.

Katanya, dia sendiri melihat keadaan fizikal anaknya apabila tubuh yang ada ditanggalkan dan ALLAH maha mendengar doanya apabila Baby Haqq menarik nafas sedalam-dalamnya dan ketika itu sekumpulan doktor dan jururawat menyambung semula bekalan oksigen kepadanya.

"Saya tak tahu nak kata apa apabila lain-lain bersyukur Dia memberi peluang Baby Haqq untuk terus hidup bersama kami."

"Saya anggap Baby Haqq ni istimewa dan diah sumber kekuatan saya dan suami. Ni 19 Mac nanti Baby Haqq akan dimasukkan semula ke HKL untuk menjalani pembedahan kali keenam, cuma kali ni

doktor akan memasang satu alat di-

namakan *chemo pot* di bahagian

dadanya dan pembedahan kali ini

puas saya masih bimbang" katanya yang sedikit traumatis apabila Baby Haqq pernah berdepan dua kali koma.

Pasangan ini juga memohon kepada seluruh rakyat Malaysia bersama-sama untuk mendoaakan kejayaan Baby Haqq.

Hadir sama dalam pelancaran *Fight Cancer for Baby Haqq* termasuklah, Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli, Pengerusi Belia 4B Kuala Langat, Hafez Shuriddin dan Ketua Pemuda Umno Kuala Langat, Mohd Jefrizal Mohd Jaafar Ketua Pemuda MIC Kuala Langat, R. Sritharan.



info • Sumbangan
kepada Baby Haqq
boleh disalurkan
melalui akaun:
CIMB Norhijah Abd Samat:
7007208178